



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PERLIS**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada calon yang memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan di bawah bagi mengisi jawatan berikut:-

1. a) **Jawatan** : Pembantu Penyediaan Makanan
b) **Gred** : Setara Gred 19
c) **Jabatan** : Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
d) **Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana
e) **Klasifikasi Perkhidmatan** : Pentadbiran & Sokongan (N)

2. **Jadual Gaji** : RM1,500.00 dan Elaun Khas

3. **Syarat Lantikan** :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- i. Warganegara Malaysia;
 - ii. Berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
 - iv. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan;
 - v. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang berkaitan; dan

- vi. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki dua (2) **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan satu (1) matapelajaran lain, **Lulus** dalam subjek Matematik dan tiga (3) matapelajaran lain (sekurang-kurangnya Gred D) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Syarat-syarat Tambahan Lantikan :

- i. Keutamaan diberikan kepada calon lelaki;
- ii. Memiliki pengalaman dalam bidang penyediaan makanan;
- iii. Memiliki kemahiran dalam mengendalikan peralatan dapur; dan
- iv. Memiliki pengalaman dalam bidang masakan.

5. Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract For Service*)

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat :

Kontrak selama satu (1) tahun seperti mana yang telah dipersetujui di dalam perjanjian kontrak dan tertakluk kepada keputusan Kerajaan Negeri bagi penyambungan kontrak.

7. Deskripsi Tugas :

- i. Bertanggungjawab memilih, mengasingkan dan menerima makanan basah/ mentah dan kering mengikut arahan pegawai yang menerima bekalan makanan daripada pembekal. Menyimpan makanan dalam stor, *chiller* dan *freezer* mengikut tatacara penyimpanan serta melaksanakan pra-penyediaan makanan, pembungkusan dan membersihkan peralatan dan kawasan;
- ii. Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas memasak dan memastikan makanan yang dimasak memenuhi kehendak Duli-Duli Tuanku; dan
- iii. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua jabatan dan tugas-tugas lain seperti dititahkan oleh Duli-Duli Tuanku.

8. Permohonan :

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Pengisian Jawatan yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang di pautan dymm.perlis.gov.my **SAHAJA.** Borang permohonan tersebut hendaklah dikemukakan melalui emel personnel.PDYMM@gmail.com atau dihantar terus ke alamat seperti berikut :

**URUSAN PENGAMBILAN KAKITANGAN
Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
02600 ARAU
Perlis**

Calon yang layak dan memenuhi syarat sahaja akan dipanggil untuk temuduga pada tarikh yang akan ditentukan kelak.

9. Tarikh Tutup Permohonan :

Pada 15 Mei 2025 sebelum jam 5.00 petang.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi pihak urusetia di talian 04-9861226.